



SDSD bangun projek Radia bernilai RM1.6b hujung tahun ini

KUALA LUMPUR – Sime Darby Sunrise Development Sdn. Bhd. (SDSD), bakal melaksanakan projek pembangunan hartanah yang dinamakan Radia dengan nilai pembangunan kasar sebanyak RM1.6 bilion menjelang hujung tahun ini.

Projek tersebut merupakan usaha sama antara Sime Darby Property Bhd. (Sime Darby Property) dan anak syarikat UEM Sunrise Bhd. (UEM Sunrise), Sunrise Bhd. bakal melaksanakan pembangunan secara bersepadu di Bukit Jelutong, Selangor.

Ketua Pegawai Operasi Kumpulan Sime Darby merangkap Pengarah Urusan Sime Darby Property, Datuk Abd. Wahab Mas-
kan berkata, projek itu mem-

buktikan komitmen usaha sama SDSD dalam menyediakan pembangunan hartanah bersepadu untuk memenuhi keperluan asas pembeli hari ini.

“Dengan pembangunan projek ini, kedua-dua syarikat hartanah ini bakal berkongsi pengalaman dan kepakaran masing-masing dalam memajukan hartanah komersial serta kediaman sekali gus memberi faedah kepada para pembeli nanti,” katanya dalam satu majlis memperkenalkan projek tersebut, di sini semalam.

Turut hadir ialah Pengarah Urusan merangkap Ketua Pegawai Eksekutif UEM Sunrise, Datuk Wan Abdullah Wan Ibrahim.

Sementara itu, Wan Abdullah berkata, setelah projek itu siap

pada tahun 2018, ia dijangka menjadi pusat tumpuan komersial dan beli-belah kepada lebih 100,000 penduduk sekitarnya termasuklah dari Shah Alam dan Kuala Lumpur,” ujarnya.

Radia akan dibangunkan dengan keluasan lantai meliputi 250,838 meter persegi yang merangkumi 640 unit pangsapuri khidmat, ruang pejabat dan pusat komersial.

Reka bentuk dan susun atur-nya diilhamkan daripada konsep pekan ‘Le Faubourg’ di Perancis yang mengetengahkan kawasan pejalan kaki yang luas serta konsep ‘Las Ramblas’ di Sepanyol yang dipenuhi dengan tumbuhan hijau dan pemandangan meng-
asyikkan.



ABD. WAHAB (dua dari kanan) dan Wan Abdullah (dua dari kiri) melihat model projek Radia Bukit Jelutong di Kuala Lumpur Golf & Country Club, Petaling Jaya semalam.